

NASIONALIS MELAYU RADIKAL

Istilah radikal digunakan oleh British kerana keberanian golongan ini menentang British secara terbuka dan membangkitkan perasaan anti-British dalam penulisan.

- Golongan nasionalis Melayu radikal membidas kerajaan British kerana menjalankan rundingan secara tertutup dengan UMNO dan mengetepikan PKMM.
- Golongan nasionalis Melayu bergabung membentuk Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), iaitu gabungan beberapa pertubuhan seperti berikut:



Pertubuhan	Pemimpin
Hizbul Muslimin	Abu Bakar al-Baqir
Angkatan Pemuda Insaf (API)	Ahmad Boestamam
Barisan Tani Malaya (BATAS)	Musa Ahmad
Angkatan Wanita Sedar (AWAS)	Shamsiah Fakeh
Gerakan Angkatan Muda (GERAM)	Aziz Ishak dan Abdul Samad Ismail
Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	Dr. Burhanuddin al-Helmi

Sumbangan Nasionalis Melayu Radikal

- Golongan nasionalis Melayu radikal memperjuangkan kemerdekaan sejak akhir tahun 1930-an.
- Golongan nasionalis Melayu radikal membela ketidakadilan dan berjuang berdasarkan prinsip dan falsafah.
- Mereka bukan sekadar menjadi tokoh setempat, tetapi melangkaui jarak sempadan dan kenegerian sehingga digelar tokoh politik nasional.

Matlamat Perjuangan Nasionalis Melayu Radikal

- Menyatukan seluruh Tanah Melayu.
- Membebaskan tanah air daripada penjajahan.
- Memperjuangkan hak semua kaum dalam sebuah negara.
- Tidak berkompromi dengan penjajah untuk mencapai kemerdekaan.
- Menekankan kebebasan bersuara, berhimpun dan menerbitkan akhbar.